



## SIARAN AKHBAR

---

### **MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN 1442 HIJRAH KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Hari Selasa, 06hb. Muharram 1442H/25hb. Ogos 2020M**

**Bandar Seri Begawan** - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) petang tadi telah mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun 1442 Hijrah bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir ialah Yang Mulia Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan kakitangan KSSUP serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan doa selamat. Majlis diteruskan dengan bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran serta terjemahannya diikuti dengan Ceramah Khas Hijrah bertajuk **“Mentaati Perintah Dalam Norma Baharu”** yang disampaikan oleh Yang Mulia Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar, Dekan Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB). Tema Majlis Sambutan Awal Tahun 1442 Hijrah Peringkat Negara ialah **“Generasi Berilmu, Beramal Dan Berakhlaq Memacu Pembangunan Umat”**.

Majlis seumpama itu merupakan aktiviti tahunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bertujuan untuk menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam disamping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga KSSUP serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

/TAMAT

Disediakan oleh:

**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**  
**25hb. Ogos 2020M**